



INFO

C A B A R A N

INOVASI **INKLUSIF** 2016

Zon di Seluruh Malaysia

Bersempena

**Jelajah Inovasi Inklusif (I²)
Program Berimpak Tinggi 6
(HIP 6)**

Bertempat di

**Alor Setar, Cyberjaya
& Kota Kinabalu**

Tarikh

26 Oktober – 27 Disember 2016



ISI KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	HALAMAN
1	Pengenalan	3
2	Objektif Pertandingan	3
3	Tema- Tema Inovasi	3
4	Pembahagian Zon	4
5	Tarikh Penting Pertandingan	4
6	Kategori Penyertaan	4
7	Kriteria Inovasi	5
8	Hadiah Pertandingan	5
9	Terma & Syarat Pertandingan	6
10	Peraturan Pertandingan	6
11	Catatan	7

PENGENALAN

Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) melalui anak syarikat **YIM Technology Resources Sdn Bhd (YTR)** telah dilantik sebagai agensi peneraju dan pelaksana **Program Berimpak Tinggi 6 – Inovasi Inklusif (HIP 6)** di bawah **SME Masterplan** semasa Mesyuarat Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan Kali Ke-16.

Melalui program ini, YTR mengambil inisiatif untuk menganjurkan **Pertandingan Cabaran Inovasi Inklusif (I²) 2016** di setiap Zon Seluruh Malaysia setelah melihat keberkesanan dalam menjayakan program Cabaran Inovasi Inklusif 2015 untuk Zon Tengah (Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya) pada tahun 2015.

Pertandingan ini diadakan bertujuan untuk memberi peluang kepada rakyat Malaysia yang mempunyai **idea kreatif dan inovatif** dalam mencari inovasi inklusif yang mampu **menyelesaikan masalah** (dari segi **kepenggunaan, kesihatan, produktiviti dan pendidikan**) yang sering dihadapi penduduk sekitar **negeri masing-masing di seluruh Malaysia**.

OBJEKTIF PERTANDINGAN

Mengenalpasti produk inovasi yang berkualiti tinggi, mampu dimiliki, dan boleh dimanfaatkan oleh setiap lapisan masyarakat di sekitar **negeri masing-masing di seluruh Malaysia**.

Memberi **pengiktirafan** kepada produk inovasi dan inovator yang telah diperkenalkan dan dipertandingkan;

Membangunkan produk-produk yang berpotensi untuk dimajukan melalui Program Berimpak Tinggi 6 – Inovasi Inklusif di bawah *SME's Master Plan*.

Untuk **merapatkan jurang akses kepada keperluan asas, pendidikan, kesihatan dan produktiviti** melalui produk inovasi inklusif.

TEMA INOVASI

Inovasi yang ingin dipertandingkan hendaklah mempunyai salah satu tema berikut :

Utiliti

- Air minuman bersih
- Masalah bekalan air atau berkaitan
- Masalah bekalan elektrik atau berkaitan

Kesihatan

- Kemudahan ubat-ubatan serta perubahan tradisional
- Peralatan kesihatan dan saringan mampu milik

Pendidikan

- Kemudahan kepada sumber pendidikan
- Peralatan pelajaran (Alat Bantu Mengajar)

Produktiviti

- Peralatan pertanian dan perladangan
- Peralatan pekerjaan harian dan jentera
- Baja, benih atau racun mampu milik (organik)

PEMBAHAGIAN ZON

ZON UTARA

Perlis
Kedah
Perak
Pulau Pinang

26-27
Oktober
2016

TH Hotel &
Convention
Centre
Alor Setar

ZON PANTAI TIMUR

Terengganu
Kelantan
Pahang

23-24
November
2016

Yayasan Inovasi
Malaysia,
Cyberjaya

ZON TENGAH / SELATAN

Selangor
Kuala Lumpur
W.P Putrajaya
Negeri Sembilan
Melaka

29-30
November
2016

Yayasan Inovasi
Malaysia,
Cyberjaya






ZON SABAH & SARAWAK

Sabah
W.P Labuan
Sarawak

26-27
Disember
2016

TH Hotel &
Convention
Centre
Kota Kinabalu

TARIKH-TARIKH PENTING PERTANDINGAN

	 Penyeriaan Dibuka	 Tarikh Tutup Penyeriaan	 Makluman Penyeriaan Terpilih	 Hari Pertandingan	 Penyampaian Hadiah
Utara	01/09/16	17/10/16	20/10/16	26-27/10/16	27/10/2016
Pantai Timur	01/09/16	11/11/16	16/11/16	23-24/11/16	24/11/2016
Tengah / Selatan	01/09/16	15/11/16	18/11/16	29-30/11/16	30/11/2016
Sabah & Sarawak	01/09/16	13/12/16	16/12/16	26-27/12/16	27/12/2016

KATEGORI PENYERTAAN

- Terbuka kepada orang awam yang berasal/bermastautin di setiap negeri mengikut zon masing-masing.

Awam



- Terbuka kepada pekerja Kerajaan atau Swasta yang bekerja di setiap negeri mengikut zon masing-masing.

Kerajaan & Swasta



- Terbuka kepada pelajar – pelajar di setiap negeri mengikut zon masing-masing.

IPTA/S



KRITERIA INOVASI

Kriteria Penilaian

Produk inovasi mempunyai kualiti yang baik

Mampu milik oleh semua golongan masyarakat

Memanfaatkan golongan terpinggir seperti kawasan luar bandar dan orang kelainan upaya

Jangkauan sasaran pengguna produk yang luas

Persaingan yang mampan dan berterusan dengan produk yang telah berada dalam pasaran

HADIAH PERTANDINGAN

Peserta yang berjaya akan menerima hadiah seperti berikut dan berpeluang untuk dipilih sebagai calon dalam program pembangunan inovasi inklusif –Program Berimpak Tinggi 6 (HIP6) :

Johan Kategori : RM5,000 + trofi + sijil pemenang

Naib Johan Kategori : RM 3,000 + trofi + sijil pemenang

Tempat Ketiga Kategori : RM 1,000 + trofi + sijil pemenang

Anugerah Inovasi Terbaik Zon : Trofi & Sijil



TERMA & SYARAT PENYERTAAN

- ✓ Peserta secara **individu atau kumpulan**.
- ✓ Setiap peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan.
- ✓ Terbuka juga kepada peserta pertandingan cabaran inovasi inklusif yang terdahulu. Namun produk **MESTILAH** versi yang telah ditambahbaik dan disahkan oleh pihak penganjur.
- ✓ Jawatankuasa Penganjur memelihara hak menerima atau menolak penyertaan pertandingan tanpa memberi penjelasan.
- ✓ Para peserta boleh **mendaftar penyertaan di laman sesawang cabaraninovasi2016.innomap.my** mengikut tarikh penyertaan yang dibuka untuk setiap zon.
- ✓ Sebarang perubahan nama dan bilangan peserta harus dimaklumkan selewat-lewatnya 3 hari sebelum tarikh tutup penyertaan.
- ✓ Produk yang **BELUM** menerima geran dari mana-mana agensi kerajaan adalah **LAYAK** untuk menyertai **Pertandingan Cabaran Inovasi 2016**.
- ✓ **Penyertaan yang terpilih** untuk dipertandingkan akan dihubungi **melalui emel atau telefon** 3 hari selepas penyertaan ditutup. **Jika tiada maklumat melalui emel atau telefon dalam tempoh tersebut, penyertaan dianggap tidak terpilih.**

PERATURAN PERTANDINGAN

- ✓ Setiap peserta hendaklah membuat **pendaftaran pada hari pertandingan mengikut tarikh dan tempat yang telah ditetapkan. (sila rujuk jadual Pembahagian Zon di halaman 4)**
- ✓ Giliran akan ditentukan oleh sekretariat dan akan dimaklumkan sebelum hari pertandingan.
- ✓ Peserta diberi masa selama **7 MINIT sahaja untuk membentangkan inovasi** masing-masing di dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris dan 3 minit untuk sesi soal jawab bersama juri. Pihak juri berhak untuk mencelah/bertanya semasa sesi pembentangan inovasi.
- ✓ **Keputusan panel juri adalah MUKTAMAD.** Pihak penganjur berhak meminda/ menambah /menolak apa-apa peraturan atau syarat bagi tujuan kelancaran dan kelangsungan pertandingan ini.
- ✓ Jawatankuasa Penganjur tidak bertanggungjawab untuk mengurus, mengangkut atau menyimpan barangan peserta.
- ✓ Para peserta tidak berhak untuk menuntut bayaran atau ganti rugi jika terdapat sebarang kehilangan, kos perbelanjaan atau kerosakan yang timbul, atau berkaitan dengan pengurusan organisasi dan juga keputusan pertandingan.
- ✓ Setiap peserta MESTI mengikut kod etika pakaian syarikat/nstitusi masing-masing atau berpakaian sopan serta kemas dan berkasut.

Catatan





Daftar penyertaan di laman
sesawang cabaraninovasi2016.innomap.my

HUBUNGI KAMI :

Sekretariat

Jelajah Inovasi Inklusif (I²) Program Berimpak Tinggi 6 (HIP 6)

D/A Yayasan Inovasi Malaysia

Unit E001, Ground Floor, Block 3440,

Enterprise Building 1, Jalan Teknokrat 3,

63000, Cyberjaya Selangor

Tel : 03-8319 1714

Fax : 03-8319 1715

Email : hip6@yim.my

Website : www.yim.my

